

# Jering boleh rosak ginjal

**K**OTA BHARU: Penggemar ulaman jering perlu berfikir dua kali sebelum menikmatinya kerana amalan memakan ulam terbabit boleh menyebabkan fungsi buah pinggang terhenti sementara hingga terpaksa mendapat bantuan rawatan dialisis untuk kembali normal.

Pengerusi Lembaga Pengerah Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (YBPKM), Datuk Dr Zaki Morad Mohd Zaher berkata, perkara itu terjadi disebabkan jering mengandungi asid jengkolik yang boleh merosakkan buah pinggang.

Katanya, pesakit buah pinggang kronik tidak digalakkan untuk mengambil ulam terbabit.

"Biasanya mereka yang memakan ulam ini, fungsi buah pinggangnya akan berhenti dalam tempoh seminggu.

"Mereka sama ada tidak dapat membuang air kecil atau kencing berdarah. Jika berhenti makan jering, ia akan kembali normal.

"Keadaan ini disebabkan asid yang terkandung dalam jering yang merosakkan buah pinggang sekiranya ia diambil dengan banyak dan kerap," katanya selepas Majlis Perasmian Forum Pesakit YBPKM ke-9 di sini, semalam.

Perasmiannya disempurnakan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.



**DR ZAKI...jering ada asid jengkolik**

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan dan Kebajikan Pesakit YBPKM, Dr J D John, Ketua Pegawai Eksekutif YBPKM, Chua Hong Wee dan Ketua Unit Nefrologi Jabatan Perubatan Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), Dr Sukeri Mohamad.

Forum yang julung kali diadakan di Kota Bharu bertujuan memberi maklumat kepada kira-kira 300 peserta berkaitan bantuan kewangan dan peluang pekerjaan untuk pesakit dialisis yang mampu bekerja.

Dalam perkembangan sama, Dr Zaki berkata, tahap perawatan pesakit buah pinggang di negeri ini masih rendah iaitu 83 orang bagi sejuta penduduk.

Katanya, ia kemungkinan disebabkan kekurangan kemudahan pusat dialisis yang disediakan.